



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5556
Faks : 03-8891 5557
http : //www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (76)

Tarikh : 7 Mac 2015

SIARAN MEDIA

Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat

Kuala Lumpur, 7 Mac 2015 - “Masyarakat diseru menggunakan taman-taman awam sebagai ruang rekreasi awam bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup”, ujar Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Datuk Abdul Rahman Dahlan di majlis perasmian Sambutan Hari Landskap 2015 (HLN) olehnya pada pagi ini.

2. Y.B. Datuk Abdul Rahman Dahlan mengulas, “Taman adalah akses kepada landskap hijau yang mampan yang membantu merehatkan minda semasa bersukan, *jogging*, berbasikal dan berjalan kaki. Aktiviti fizikal ini dapat menghindari masalah kesihatan seperti obesiti, diabetes (kencing manis), hipertensi (tekanan darah tinggi), penyakit jantung serta sesuai untuk interaksi sosial seperti santai bersama keluarga, hari keluarga dan berkelah.”

3. Katanya lagi, “Ini akan menyerapkan nilai untuk menghargai, mencintai dan membudayakan landskap bagi memacu usaha ke arah Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020”.

4. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) memilih tema Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat bagi Sambutan HLN 2015 untuk memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan taman awam sebagai tempat rekreasi dan integrasi sosial di kawasan bandar.

5. Sambutan HLN tahun ini diadakan di Zon Rekreasi Keluarga (Lembah Kiara), Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Tapak ini dipilih kerana mempunyai kemudahan yang baik untuk orang awam melakukan pelbagai aktiviti rekreasi dalam persekitaran yang selesa.

6. Ianya terletak di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekali gus menjadi wadah terbaik bagi penduduk di kawasan bandar terutamanya sekitar Lembah Klang untuk menjalani gaya hidup sihat.

7. Pada pagi ini juga diadakan *softlaunch* Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur (acara menanam pokok). Bagi penyediaan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur ini satu bengkel *Arboretum* yang telah diadakan pada 3 Mac 2015 yang menfokus kepada sesi penglibatan awam. Pandangan awam ini akan membantu JLN menyediakan Taman Persekutuan yang memenuhi keperluan rekreasi bagi penduduk Lembah Klang khususnya dan negara amnya.

8. Selain daripada Bengkel *Arboretum* ini, pelbagai aktiviti sambutan Hari Landskap Negara 2015 telah diatur untuk selama enam hari dari 3 - 8 Mac 2015 seperti senamrobik dan zumba, pameran dan konsultasi awam Taman Persekutuan Bukit Kiara, program kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, ceramah landskap, persembahan *buskers*, pertandingan mural, mewarna dan melukis serta pelbagai aktiviti lain. Kemuncak sambutan adalah majlis pelancaran sambutan Hari Landskap Negara 2015 pada 7hb Mac 2015 oleh Y.B. Datuk Abdul Rahman Dahlan iaitu Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

9. Pengisytiharan tarikh Hari Landskap Negara adalah rentetan daripada pelancaran Program Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Sehubungan dengan itu, Kementerian bercadang untuk menjadikan 3 Mac sebagai Hari Landskap Negara sempena pelancaran kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang telah dibuat pada tarikh tersebut. Kerajaan telah mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara sejak 1998.

10. Sambutan HLN yang telah disambut sejak 1998 ini juga bertujuan untuk menggerakkan aktiviti perlandskap di kalangan rakyat seluruh negara bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Solid Waste Corporation Malaysia, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my